

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

# LEKOR



www.pkt.edu.my | Jilid: 2020

BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

## INTERNATIONAL LEADERSHIP CHALLENGE 2019

MAJLIS PENGHARGAAN  
PEGAWAI BERSARA DAN  
BERTUKAR

PENYERTAAN KELAB TEATER  
PKT DI FESTIVAL TEATER  
TERENGGANU 2019



ICT VILLAGE & EAST COAST OPEN EAST ZONE 2019

PKT BOXING DAY 3.0

ICT VILLAGE & EAST COAST OPEN EAST ZONE 2019

CAREER DAY 3.0 PROGRAMME

FIRA 2019 12TH FIRA MALAYSIA CUP



# PENGENALAN

Politeknik Kuala Terengganu (PKT) yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dan beroperasi di bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang. Penubuhan PKKT adalah di bawah konsep kampus dalam kota. Selepas enam bulan beroperasi di Maktab Perguruan Pasir Panjang, tanggal 1 Julai 1999 PKKT berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala

Terengganu yang telah disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan beroperasi di tapak ini sehingga hari ini.

Pengambilan pertama adalah seramai 153 orang pelajar pada Jun 1999 bagi Sijil Kejuruteraan Awam. Mulai 2003, program Sijil Kejuruteraan Awam telah dijumlahkan dan digantikan dengan Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Elektrik dan Elektronik. Pada pertengahan Mei 2004, selaras dengan penubuhan kabinet baharu selepas Pilihan Raya Umum ke-11, Politeknik telah beroperasi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Pada masa ini, Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT) telah ditukarkan namanya kepada Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Memandangkan ruang yang agak terhad di bangunan sedia ada, pada 1 Julai 2005 bangunan tambahan disewa bagi menampung bilangan pelajar yang semakin bertambah. Bangunan yang baru disewa dijadikan bilik kuliah bagi Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Pada tahun 2007, sebuah lagi bangunan tambahan disewa untuk kegunaan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Selari dengan perkembangan pendidikan, pada sesi pengajian Julai 2009, Program Sijil telah dinaiktarafkan kepada Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Pada sesi Jun 2010, Diploma Elektrik dan Elektronik ditamatkan dan digantikan dengan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi).

Menyedari akan keperluan untuk meningkatkan peluang pembelajaran dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada lepasan SPM, satu program baharu telah ditawarkan pada Sesi Jun 2014 iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik-Elektronik (DEE) dengan pengambilan pertama seramai 65 pelajar. Pada Sesi Jun 2015, program Diploma Teknologi Maklumat Rangkaian (DNS) ditawarkan dalam usaha untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar dan seramai 30 pelajar telah mendaftar untuk kali pertama penawaran program ini.

Seiring dengan keperluan 10 lonjakan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), pada sesi Jun 2016 Program Diploma Teknologi Maklumat Pengaturcaraan (DIP) telah dijenamakan semula serta dinaiktarafkan kepada Program Diploma Teknologi Digital (DDT).

Sehingga kini, Politeknik Kuala Terengganu menawarkan peluang pendidikan peringkat Diploma dan Pra Diploma kepada hampir 1000 pelajar melalui dua Jabatan Akademik dan dua Jabatan Sokongan Akademik iaitu:

- a) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)
  - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
  - Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- b) Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK)
  - Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)
- c) Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK)
  - Pra Diploma Sains
- d) Jabatan Pengajian Am

Kerajaan mensasarkan 1.5 juta pekerjaan baharu dengan pengisian 60% tenaga kerja berkaitan TVET, Politeknik telah diakui sebagai penyumbang utama dengan peratus kebolehpasaran keseluruhan yang tinggi melebihi 95% pada 2019 di mana kebolehpasaran PKT mencapai 100%. Berasaskan faktor ini, PKT selaku Politeknik ke-12 di Malaysia berazam untuk terus mengorak langkah meluaskan akses dengan pembangunan bangunan kekal kampus, menaiktaraf infrastruktur dan prasarana bagi meningkatkan persekitaran, kualiti pengajaran dan pembelajaran seterusnya melahirkan pelajar-pelajar politeknik yang berdaya saing dan menjadi pilihan industri

# KATA ALUAN

P  
E  
N  
A  
S  
I  
H  
A  
T



Dr. Hj. Mohd Daud Bin Isa  
Penasihat  
Jawatankuasa Penerbitan Buletin LEKOR  
Politeknik Kuala Terengganu

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Buletin Lekor 2019 ini dapat diterbitkan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Penerbitan Buletin Politeknik Kuala Terengganu atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan proses penerbitan Buletin Lekor 2019 ini berjalan dengan lancar.

Sebagai Pengarah di Politeknik Kuala Terengganu saya berharap agar pencapaian-pencapaian yang diraih melalui aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun ini akan menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga PKT untuk terus berusaha dan mengorak langkah dalam mencipta kejayaan - kejayaan lain pada masa akan datang.

Saya percaya setiap warga PKT mempunyai kelebihan dan bakat tersendiri yang dapat menyumbang kearah pembangunan PKT sebagai sebuah institusi pendidikan yang terunggul di Malaysia.

Semoga PKT akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa akan datang. Insya-Allah.



En. Abdul Halim bin Ahmad  
Pengerusi  
Jawatankuasa Penerbitan Buletin LEKOR  
Politeknik Kuala Terengganu

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya Jawatankuasa Penerbitan Buletin Politeknik Kuala Terengganu telah berjaya menerbitkan Buletin LEKOR tahun 2019 ini.

Terima kasih diucapkan kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa kerana telah memberi kerjasama dan komitmen yang sebaiknya dalam penerbitan Buletin LEKOR tahun ini.

Saya berharap agar kita semua dapat bergerak seiring dengan satu suara, satu harapan dan bersama membentuk satu cita demi mencapai matlamat serta merealisasikan impian kita untuk menjadikan Buletin LEKOR sebagai satu bahan bacaan yang dapat memberi manfaat kepada semua pembaca.

Diharapkan juga Buletin LEKOR akan terus menjadi wadah dalam pembudayaan ilmu dengan memaparkan berita-berita dan aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua warga Politeknik Kuala Terengganu yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buletin LEKOR 2019 ini.

Semoga semua usaha kita semua diberkati Allah s.w.t

P  
E  
N  
G  
E  
R  
U  
S  
I

# SIDANG REDAKSI

## **PENASIHAT**

Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa

## **PENGERUSI**

En. Abdul Halim bin Ahmad

## **TIMBALAN PENGERUSI**

YM Tn. Syed Ahmad Nasrie bin Sayed Abdullah

## **SETIAUSAHA**

Pn. Nor Aziah binti Awang

## **KETUA EDITOR BULETIN**

Pn. Nooraini binti Che Aziz

## **PENOLONG KETUA EDITOR BULETIN**

Pn. Aiezzatul Akmaliah binti Abdullah

## **EDITOR BULETIN I**

En. Mohd Shafian bin Abdullah

## **EDITOR BULETIN II**

Pn. Nik Norlelawati binti Nik Mukhtar

## **EDITOR BULETIN III**

Pn. Rosmayati binti Ismail

## **JURUFOTO**

En. Md Hafriz Fikrie bin Md Hussin  
En. Albaihaki bin Awang

## **DESIGNER BULETIN**

Cik Sharifah Sahidatunadrah binti Syed Abdullah

# PROGRAM PROMOSI KEMASUKAN PROGRAM PROMOSI KEMASUKAN

**05 JANUARI 2019 (SABTU)** – Team promosi Politeknik Kuala Terengganu iaitu Puan Nooraini binti Che Aziz, Pegawai Perhubungan Awam PKT dan Puan Norhayati binti Ismail, Pegawai Hal Ehwal Pelajar PKT telah turun padang bagi mempromosikan kemasukan ke Politeknik Malaysia sempena Majlis Perasmian Karnival Lulusan Pelajar (KLS 2019) anjuran Kelab Remaja Ikatan Muslimin bertempat di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT. Program ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada para peserta yang terdiri daripada para pelajar lepasan SPM dari sekolah-sekolah di sekitar Kuala Terengganu.



## KURSUS INDUKSI DALAMAN (PEMANTAPAN STAF)

**15 - 16 JANUARI 2019 (SELASA & RABU)** – Telah diadakan Kursus Induksi Dalaman (Pemantapan Staf) selama dua hari bertempat di Dewan Utama PKT anjuran Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), PKT. Antara pengisian kursus ini adalah:

- 1) Taklimat Skim Perkhidmatan dan Perjawatan (Kenaikan Pangkat & Urusan Luar Negara)
- 2) Taklimat Tatertib Penjawat Awam
- 3) Taklimat Pengurusan Cuti dan Kehadiran
- 4) Taklimat Skim Perkhidmatan dan Perjawatan (Tanggungjawab Kerja)
- 5) Taklimat Latihan & Pembangunan Kompetensi
- 6) Aktiviti Riadah Pagi di Bukit Panorama



Semoga segala ilmu yang dipelajari sepanjang kursus ini dapat dipatuhi dan diamalkan oleh semua peserta kursus khususnya dan semua warga PKT amnya sepanjang tempoh perkhidmatan.

## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PKT KEPADA PENGETUA SM TEKNIK KUALA

**16 JANUARI 2019 (RABU)** - Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Hj. Mohd Nasri bin Abdullah, Pengetua SM Teknik Kuala Terengganu bagi mempromosikan kemasukan pelajar-pelajar dari SM Teknik Kuala Terengganu ke PKT.

Selain itu, kunjungan hormat ini juga bertujuan untuk membincangkan program-program berimpak tinggi yang boleh dijalankan antara kedua pihak pada masa akan datang. Antaranya perkongsian ilmu dan kemahiran dalam bidang robotik, penganjuran Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dan lain-lain program yang bersesuaian.

Semoga jalinan kerjasama ini akan terus berkekalan dan berpanjangan dan kedua-dua pihak dapat bergerak seiring dalam mencipta kejayaan dan kecemerlangan di pelbagai peringkat.



## LAWATAN KERJA PENGARAH PKT KE MYSOFTCARE SOLUTION SDN BHD



**21 JANUARI 2019 (ISNIN) -** Lawatan Kerja Pengarah PKT ke syarikat Mysoftcare Solution Sdn Bhd ini adalah bertujuan untuk membincangkan perancangan aktiviti kolaborasi antara kedua pihak bagi tahun 2019. Turut hadir En. Abdul Halim bin Ahmad, Timb. Pengarah Akademik, Pn. Raja Intan Sariah binti Raja Mahmood, Ketua Jabatan Teknologi Maklumat dan

Komunikasi, Pn. Noor Muzlinda binti Mat Hashim, Pensyarah JTMK, Cik Foo Jyy Wei, Pegawai Kolaborasi dan Pn. Nooraini Che Aziz, Pegawai Perhubungan Awam.

## KARNIVAL SUKAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2019

**26 JANUARI 2019 (SABTU) –** Bertempat di Stadium Negeri Terengganu telah diadakan Karnival Sukan PKT bagi tahun 2019. Antara sukan yang dipertandingkan adalah Bola Jaring, Badminton, Sepak Takraw dan Petanque. Objektif utama Karnival Sukan ini adalah untuk menyemarakkan lagi semangat kesukanan yang ada dalam diri para pelajar PKT selain mencari bakat-bakat baru dalam sukan yang dipertandingkan untuk diketengahkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan Karnival Sukan PKT pada tahun ini. Semoga Karnival Sukan ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PKT KE LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU

**28 JANUARI 2019 (ISNIN) -** Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk membincangkan tentang cadangan dan usaha untuk menambahbaik infrastruktur bangunan Politeknik Kuala Terengganu pada masa akan datang. Semoga cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat dipertimbangkan dan mendapat sokongan padu.



Terima kasih diucapkan kepada En. Abd Razak bin Abdul Rahman, Setiausaha Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dan staf atas layanan baik yang diberikan.



## MESYUARAT PEGAWAI LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON TIMUR BIL 1/2019

30 JANUARI 2019 (RABU) @ Dewan Utama PKT



## TAKLIMAT PENYELARASAN ESISM JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON TIMUR

30 JANUARI 2019 (RABU) @ Makmal JMSK PKT

# MESYUARAT PENGANJURAN KEK (KEJOHANAN E-SPORT KAMPUS)

**04 FEBRUARI 2019 (ISNIN)** - Mesyuarat penganjuran KEK (Kejohanan E-Sport Kampus) anjuran Media Prima Digital dan PKT bersama UNISZA telah berlangsung di Bilik Persidangan PKT.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT.

Turut hadir Timb. Naib Canselor UNISZA dan wakil Media Prima Digital.



# SESI PEMBENTANGAN DAN PENYERAHAN SISTEM PENGURUSAN DISIPLIN KEPADA SMK PADANG KALA

**11 FEBRUARI 2019 (ISNIN)** - Telah berlangsung sesi pembentangan dan penyerahan projek inovasi pelajar (Sistem Pengurusan Disiplin) kepada En. Md. Basri bin Ariffin, Pengetua SMK Padang Kala, Kota Bharu, Kelantan.

Sistem Pengurusan Disiplin hasil ciptaan pelajar Politeknik Kuala Terengganu ini akan dimanfaatkan oleh pihak sekolah dalam memantau dan merekod disiplin dan sahsiah para pelajar dengan lebih berkesan di sekolah itu.

Selain guru, ibu bapa dan pelajar juga boleh mengakses sistem tersebut dan laporan disiplin pelajar juga akan dilaporkan oleh guru kelas kepada ibu bapa pada setiap sesi temu murni.



*Terima kasih diucapkan kepada seluruh warga SMK Padang Kala atas sambutan dan layanan baik yang telah diberikan. Tahniah juga diucapkan kepada para pensyarah dan pelajar PKT atas idea-idea inovasi yang membawa manfaat kepada banyak pihak.*

# KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PKT KEPADA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

**10 FEBRUARI 2019 (AHAD)** - Kunjungan Hormat Pengarah PKT kepada Pengarah JPNT bertujuan untuk membincangkan aktiviti promosi kemasukan ke PKT bagi tahun 2019 dan kerjasama lain pada masa akan datang oleh kedua-dua pihak.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussin, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu atas layanan yang diberikan.



*Semoga jalinan kerjasama ini akan dapat direalisasikan dan mencapai objektif yang telah dirancang.*





# KURSUS JURU-AUDIT DALAMAN ISO 9001:2015

12-13 FEBRUARI 2019  
(SELASA & RABU)  
@ Dewan Utama PKT



# MAJLIS LANTIKAN WATIKAH EXCO MPP PKT 2019

**26 FEBRUARI 2019 (SELASA)** - Majlis Lantikan Watikah Exco MPP PKT 2019 telah diadakan di Dewan Utama PKT disempurnakan oleh YBhg. Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT.

Semoga barisan Exco MPP PKT 2019 dapat menjalankan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh tanggungjawab, dedikasi dan komited. Tahniah diucapkan atas perlantikan ini.



# PROGRAM RELASIS BERSAMA KOMUNITI

**26 FEBRUARI 2019 (SELASA)** - Telah berlangsung Program RELASIS bersama Komuniti anjuran Briged RELASIS Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Jabatan Sukarelawan Malaysia bertempat di Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, Teluk Ketapang, Seberang Takir, Terengganu.

Antara aktiviti yang dilakukan adalah gotong-royong membersihkan kawasan sekitar Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi dan membaja pokok-pokok tanaman yang terdapat di kawasan itu.

Aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi silibus pembelajaran di PKT malah dapat menanam sifat sukarelawan dalam diri pelajar untuk menyumbang apa sahaja yang terdapat buat masyarakat setempat yang memerlukan.



*PKT amat komited dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah berciri holistik. Semoga aktiviti seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.*

# MALAYSIA POLYTECHNICS SPEAKERS' CORNER PROJECT

**27 FEBRUARI 2019 (RABU)**



*20 pelajar dari Politeknik Kuala Terengganu telah menghadiri dan menyertai Malaysia Polytechnics Speakers' Corner Project bertempat di Politeknik Ungku Omar, Perak.*

# LAWATAN PELAJAR JKE PKT KE STESEN JANAKUASA JENAGOR

**27 FEBRUARI 2019 (RABU)**  
@ Stesen Janakuasa Jenagor



# PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR POLITEKNIK SESI DISEMBER 2018

06 MAC 2019 (RABU)



## AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015

**11-12 MAC 2019 (ISNIN&SELASA)** - Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM QAS telah berjalan dengan lancar sepanjang dua hari ini dan PKT telah berjaya mendapatkan pengesyoran untuk diteruskan pensijilan MS ISO 9001:2015 oleh Sirim QAS International. Juruaudit dari SIRIM yang hadir ialah En.Khalid Saleman dan Pn. Ham Fin Lan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga PKT.



# PROGRAM TUNJUK AJARKU SIFU

**13 MAC 2019 (RABU)** - Team Promosi Politeknik Kuala Terengganu yang terdiri daripada pensyarah dan staf telah berpeluang untuk mempromosikan kemasukan ke Politeknik Kuala Terengganu di 26 buah sekolah di sekitar Kuala Terengganu sehari sebelum keputusan SPM diumumkan. Flyers promosi turut disampaikan kepada Pengetua Sekolah dan Kaunselor Sekolah untuk diedarkan kepada lepasan SPM yang akan menerima keputusan pada 14 Mac 2019.



## PROMOSI KEMASUKAN KE PKT SEMPENA KEPUTUSAN SPM 2019

**14 MAC 2019 (KHAMIS)** - Aktiviti promosi sedang giat berlangsung di sekolah-sekolah sekitar Kuala Terengganu sempena keputusan SPM 2019 yang diumumkan pada hari ini. Terima kasih diucapkan kepada semua staf dan para pensyarah PKT yang sama-sama turun padang bagi menghebahkan tentang program-program yang ditawarkan di PKT. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada semua lepasan SPM yang menerima keputusan SPM hari ini.

# PROGRAM KURSUS KECEMERLANGAN STAF: KECERDASAN DAN KESIHATAN

**14 MAC 2019 (KHAMIS)** - Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PKT telah menganjurkan Kursus Kecemerlangan Staf: Kecerdasan & Kesihatan bertempat di Bukit Maras. Seramai 40 staf telah menyertai kursus ini dengan mendaki Bukit Maras. Turut serta Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT dan Puan Suzana Binti Mohd Ali, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik. Semoga kursus ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kecerdasan dan kesihatan staf PKT malah dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga PKT. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan kursus ini.



# PROGRAM BERSAMA KAUNSELOR SEKOLAH SEMPENA KEPUTUSAN SPM 2019

**20 MAC 2019 (RABU)** - Satu Program bersama Kaunselor Sekolah sempena Keputusan SPM 2019 telah diadakan di Politeknik Kuala Terengganu pada hari ini. Seramai 41 orang Kaunselor Sekolah di sekitar Kuala Terengganu dan Marang telah hadir. Antara objektif program ini dianjurkan adalah untuk menyebarluaskan maklumat kemasukan ke Politeknik, memberi pendedahan berhubung kelebihan memilih politeknik sebagai institusi pendidikan tinggi awam selaku peneraju utama TVET di Malaysia.

Selain taklimat dari Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ketua Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Taklimat Kerjaya oleh Pegawai Psikologi, pelajar semester akhir turut mempamerkan projek akhir mereka kepada peserta. Terima kasih diucapkan kepada semua Kaunselor Sekolah yang hadir pada hari ini. Semoga sesi perkongsian maklumat mengenai peluang pengajian di Politeknik dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar untuk mendapat tempat pengajian disebabkan oleh bidang yang dipohon tidak menepati syarat minimum kemasukan.



# KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI DAERAH BESUT KALI KE-9 TAHUN 2019

**20-21 MAC 2019 (RABU & KHAMIS)** - Karnival Pendidikan Tinggi Daerah Besut Kali Ke-9 Tahun 2019, dirasmikan oleh YM Puan Sharifah Norhayati binti Syed Omar, Pengerusi Wanita Inteltek Negeri Terengganu bertempat di Masjid Hadhari, Jerteh.



## PROGRAM TUNJUK AJARKU SIFU

**04 APRIL 2019 (KHAMIS)** - PKT dibawah Unit Alumni dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan peranan Alumni di institusi ini menerusi Program Tunjuk Ajarku Sifu ini.

Seramai 200 orang pelajar PKT telah dilibatkan dan mereka adalah terdiri dari pelajar Semester 1,2,3, 4 dan pelajar tahun akhir. Terdapat 5 aktiviti yang dijalankan secara serentak iaitu Program Talk IR 4.0, Bengkel Kabel Optik, Bengkel Mobile Fotografi, Bengkel Abacus dan TRIZ Competition. Dan pada hari ini juga akan diadakan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi bersama Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute (MARii) dan Terengganu Digital.





#### 04 APRIL 2019 (KHAMIS)

- Kerjasama antara PKT bersama pihak industri dan Alumni menerusi Program Tunjuk Ajarku Sifu ini diharapkan dapat memperkasakan lagi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini. Hal ini kerana bidang TVET bukan sahaja semakin penting tetapi ia mampu menjadi sektor pemangkin dalam menjana ekonomi negara pada masa depan.

## KERJASAMA ANTARA PKT BERSAMA PIHAK INDUSTRI DAN ALUMNI

Dengan wujudnya kolaborasi berterusan dengan pihak industri dan Alumni, akan membina lebih banyak peluang pekerjaan untuk dipenuhi oleh para graduan PKT pada masa akan datang sekaligus kebolehpasaran graduan PKT juga dapat ditingkatkan.

## MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN ROBOT FIRA KATEGORI SIMOROSOT

**07 APRIL 2019 (AHAD)** - Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Robot FIRA Kategori SIMOROSOT (Middle and Large) disempurnakan oleh En. Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah Akademik PKT anjuran Jawatankuasa Robot PKT melibatkan pelajar JKE dan JTMK.

Pemenang pertandingan ini akan mewakili PKT di Pertandingan Robot FIRA Politeknik Malaysia di Politeknik Port Dickson pada 28 April - 3 Mei 2019.



Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menganjurkan Program Tunjuk Ajarku Sifu ini. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada para pensyarah dan staf yang terlibat sepanjang program ini berlangsung.



# MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PERTANDINGAN PROJEK INOVASI PELAJAR SESI DISEMBER 2018

**08 APRIL 2019 (ISNIN)** - Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Projek Inovasi Pelajar Sesi Disember 2018 telah disempurnakan oleh Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, pengarah PKT. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta atas idea-idea inovasi yang telah dihasilkan melalui produk dan ciptaan masing-masing.

Panel penilai jemputan yang mengadili Pertandingan Inovasi Projek Pelajar ialah Prof. Madya Dr. Mohamad Razali bin Abdullah, Pensyarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), UNISZA, Ir. Dr. Azimah binti Ismail, Pensyarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), UNISZA dan En. Zakaria bin Hussin, Pengurus M&M Ternak. Terima kasih diucapkan kepada semua panel juri.



## KARNIVAL INOVASI 4IR 2019 (EDNOVAC)

**10 APRIL 2019 (RABU)** - 5 kumpulan pensyarah dan pelajar dari Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi PKT telah menyertai Karnival Inovasi 4IR 2019 (EDNOVAC) bertempat di IPG Batu Rakit pada 9 dan 10 April 2019. Keputusan pertandingan adalah 1 EMAS, 1 PERAK DAN 3 GANGSA. Tahniah dan syabas diucapkan.





# PROMOSI KEJOHANAN E-SUKAN KAMPUS OLEH MEDIA PRIMA DIGITAL DI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

**11 APRIL 2019 (KHAMIS)** - Tujuan aktiviti promosi diadakan adalah bagi menghebahkan kepada para pelajar dan kakitangan PKT tentang Kejohanan E-Sukan Kampus anjuran XPAX yang akan berlangsung pada 12-13 April 2019 bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UNISZA, Terengganu. Antara permainan digital yang akan dipertandingkan adalah Mobile Legends, DOTA 2 dan PES2019.



*Team Promosi Media Prima telah mengagihkan coklat Cadbury dan flyers kepada para pelajar di sekitar kampus PKT di samping memberi penerangan dan maklumat tentang Kejohanan E-Sukan Kampus.*

## KEJOHANAN E-SUKAN KAMPUS



**13 APRIL 2019 (SABTU)** - Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT dan Pn. Suzana binti Mohd Ali, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PKT menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan E-Sukan Kampus dicetuskan oleh XPAX, anjuran bersama MYGAMEON, KITAMEN, UNISZA dan PKT bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA, Terengganu. Tahniah diucapkan kepada para pemenang.

## PROGRAM SANTAPAN MINDA PELAJAR PKT SEMPENA MINGGU

**15 APRIL 2019 (ISNIN)** - Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT telah menyempurnakan Program Santapan Minda Pelajar PKT sempena Minggu Peperiksaan pada pagi ini. Turut hadir En. Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Suzana binti Mohd Ali, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar PKT dan wakil dari Unit Pengurusan Psikologi. Selamat maju jaya diucapkan kepada semua pelajar dalam menghadapi peperiksaan.



*Pelajar yang menduduki peperiksaan telah diberikan sarapan pagi secara percuma berupa roti dan air mineral sebagai persediaan sebelum memasuki dewan peperiksaan.*

# PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

**23 APRIL 2019 (SELASA)** - Telah berlangsung Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit pagi tadi pada jam 11.00 - 11.10 pagi di Perpustakaan Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Pengarah, Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Tim. Pengarah Akademik, En. Abdul Halim bin Ahmad serta Ketua-Ketua Jabatan dan Unit turut tidak ketinggalan menyertai dan menyokong program tersebut.



*Turut diadakan penyampaian bahan bacaan kepada Ketua-Ketua Jabatan dan Unit untuk diletakkan di ruangan pejabat masing-masing.*



## FIRA 2019 12TH FIRA CUP MALAYSIA

28 APRIL - 3 MEI 2019  
@ Politeknik Port Dickson

# PROGRAM AD DIN: RAMADHAN BULAN RAHMAH



**09 MEI 2019 (KHAMIS)** - Program Ad Din: Ramadhan Bulan Rahmah anjuran Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Negeri Terengganu telah diadakan di Dewan Utama Politeknik Kuala Terengganu.

Program ini menampilkan Yang Berbahagia Tuan Haji Mahadi Bin Awang, Pengarah YADIM Terengganu dan Al Fadhil Ustaz Abdul Halim Bin Awang @ Sulong, Pensyarah dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) selaku penceramah jemputan.

Tujuan utama program ini dianjurkan bertujuan untuk mengimarahkan bulan Ramadhan dalam kalangan warga PKT dengan aktiviti keagamaan dan kerohanian dalam menyempurnakan ibadah puasa bagi memburu rahmat, keampunan dan keredhaanNya menuju ke syurga Allah S.W.T.



**26-29 MEI 2019 (AHAD-RABU)** - Sejalan dengan perkembangan teknologi ini, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi(-JTMK), PKT telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan pihak Malaysia Automotive Robotics IoT institute(MARii) untuk menganjurkan MARii Augmented Reality (AR) Workshop 2019 kepada staf akademik PKT.

MARii merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa yang berperanan menyediakan bengkel di bawah program pembangunan kerjaya, di antara bengkel yang ditawarkan ialah dalam bidang AR yang mana teknologi terbaru ini sedang pesat digunakan sebagai media penyampaian informasi dan interaktif.

En. Khairil Anwar bin Rusli, AR Trainer dari Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii) telah dijemput untuk mengendalikan bengkel ini dan berkongsi kepakaran serta pengalaman dalam bidang Augmented Reality.

Bengkel yang berlangsung selama 4 hari ini turut disertai oleh guru-guru dari SM Teknik Kuala Terengganu dan juga anak-anak staf PKT. Secara keseluruhan seramai 40 orang peserta telah terlibat. Pengarah PKT, Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa turut menyampaikan kata alu-aluan kepada para peserta. Semoga bengkel ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua peserta yang terlibat.

## MARii AUGMENTED REALITY(AR) WORKSHOP 2019



# PROGRAM SEKAMPIT BERAS SEKILO GULA



**28 MEI 2019 (SELASA)** – Prihatin dengan kesusahan orang lain, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) melalui Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dengan kerjasama Unit Perpustakaan mengambil inisiatif menganjurkan program amal Sekampit Beras Sekilo Gula. Tahun 2019 merupakan tahun ketiga program ini diadakan di PKT. Program sempena Ramadan yang mulia ini menjadi platform untuk warga PKT dan orang ramai menyumbang kepada golongan yang kurang bernasib baik di sekitar Kuala Terengganu.



Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT berpeluang menyampaikan bakul bantuan barangan keperluan dapur kepada golongan yang kurang berkemampuan yang terdiri daripada komuniti setempat di daerah Kuala Terengganu dan juga pelajar PKT.



Sumbangan yang diperolehi hasil daripada sumbangan orang ramai melalui Program Sekampit Beras Sekilo Gula telah berjaya diagihkan kepada lebih 100 buah keluarga yang memerlukan di sekitar daerah ini.



Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Moga usaha keras dan keikhlasan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan semua aktiviti yang dirancang mendapat ganjaran berlipat kali ganda di sisi Allah s.w.t.

Turut serta En. Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah Akademik PKT, Puan Suzana binti Mohd Ali, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PKT dan Sukarelawan YES Politeknik Kuala Terengganu.

## GOTONG-ROYONG MENYEDIAKAN BUBUR LAMBUK 2019 PERINGKAT POLITEKNIK KUALA TERENGGANU.

**29 MEI 2019 (RABU)**



# MAJLIS KHATAM QURAN BERTEMPAT DI BILIK ANJUNG ILMU PKT

29 MEI 2019 (RABU)



## PROGRAM IFTAR JAMAIE PERINGKAT POLITEKNIK KUALA TERENGGANU ANJURAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

29 MEI 2019 (RABU)



# PERHIMPUNAN BULANAN MEI 2 0 1 9



29 MEI 2019 (RABU)  
@ Perpustakaan PKT

## KURSUS PROFESIONAL INDUSTRIAL CERTIFICATE (PIC) 2019

**19 JUN 2019 (RABU)** - Seramai 4 orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menyertai kursus PIC bermula dari 17- 21 Jun 2019 bertempat di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).

Semoga segala ilmu yang telah diperolehi dan dipelajari dapat dimanfaatkan bersama.



# PROMOSI KEMASUKAN KE POLITEKNIK MALAYSIA SEMPENA EKSPLO PENDIDIKAN BERTEMPAT DI SMK CHUNG HWA WEI SIN

20 JUN 2019 (KHAMIS)  
@ SMK Chung Hwa Wei Sin, Kuala Terengganu



## KUNJUNGAN HORMAT DARI TUAN SAFRI BIN SAMSUDIN, PENGURUS SUMBER MANUSIA SHIN ET SU POLYMER (M) SDN BHD KE PKT

23 JUN 2019 (AHAD) - Kunjungan hormat dari Tuan Safri bin Samsudin, Pengurus Sumber Manusia Shin Et Su Polymer (M) Sdn Bhd ke PKT bagi membincangkan aktiviti kolaborasi antara kedua pihak pada masa akan datang.

## SESI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2019



24 JUN 2019 (ISNIN) - Sekitar Sesi Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2019 di Politeknik Kuala Terengganu. Selamat Datang ke Politeknik Kuala Terengganu diucapkan kepada semua pelajar baharu.

Tahniah kerana anda terpilih menjadi sebahagian dari keluarga besar Politeknik Malaysia. Semoga ilmu dan pengalaman yang bakal diperolehi di Politeknik Kuala Terengganu dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara. Selamat maju jaya dan selamat menempuh alam pembelajaran di PKT.



# MAJLIS PERASMIAN PENUTUP MINGGU SUAI KENAL PELAJAR BAHARU SESI JUN 2019

**27 JUN 2019 (KHAMIS)** - Majlis Perasmian Penutup Minggu Sui Kenal Pelajar Baharu Sesi Jun 2019 Politeknik Kuala Terengganu telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa semalam bertempat di Dewan Utama PKT.

Semoga para pelajar baharu dapat menyesuaikan diri dengan suasana di PKT dan meneruskan pembelajaran dengan baik.

Diharapkan agar segala ilmu dan pesanan yang telah disampaikan oleh Tuan Pengarah dapat dimanfaatkan dan dipatuhi sepenuhnya.



## KUNJUNGAN HORMAT PUAN HAJAH MAIZAN BINTI ISMAIL, TIMBALAN KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA KE POLITEKNIK KUALA TERENGGANU.

**27 JUN 2019 (KHAMIS)** - Kunjungan ini adalah tidak lain bertujuan untuk meninjau kemajuan perkhidmatan dan pembangunan di Perpustakaan PKT.

Turut hadir En. Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Perpustakaan Desa dan En. Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff, Ketua Unit Integriti / Pegawai Seranta PNM.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Hajah Maizan atas kunjungan tersebut dan segala cadangan penambahbaikan yang diberikan akan diambil perhatian oleh pihak pengurusan PKT.



# HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU @ DEWAN SIVIK KERTIH

**29 JUN 2019 (SABTU)** - Kumpulan KIK JTMK WE-TRANS dan Team Promosi PKT telah hadir ke Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Terengganu bagi pelancaran produk inovasi yang diberi nama My Balas Bag (MBB).

Projek ini merupakan kerjasama antara PKT, Majlis Daerah Marang dan Pusat Pemulihan Kurang Upaya (PPDK) Wakaf Tapai, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu sekaligus mempromosikan kemasukan ke PKT kepada semua yang hadir.

Pelancaran ini disempurnakan oleh YB. Dr. Haji Alias bin Razak, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Terengganu.



# MAJLIS JALINAN MESRA IKATAN MUHIBBAH MAHASISWA MAHASISWI PKT 2019

**02 JULAI 2019 (SELASA)**  
@ Perkarangan Politeknik Kuala Terengganu



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DARI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

**04 JULAI 2019 (KHAMIS)** - Tahniah dan syabas diucapkan kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Politeknik Kuala Terengganu yang telah menerima pengiktirafan tersebut bertempat di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Kuantan. Semoga prestasi kerja yang ditunjukkan berkekalan dan berterusan serta menjadi contoh buat rakan-rakan sekerja yang lain.

Tugas penjawat awam dalam tugas:

- ✓ integrity
- ✓ profesionalisme
- ✓ Ketangkasan untuk berubah bagi memperkasakan TVET berteraskan teknologi IR 4.0



## PROGRAM CAREER DAY 3.0

**21 JULAI 2019 (AHAD)** - Telah berlangsung Program Career Day 3.0 anjuran Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Politeknik Hulu Terengganu dan Job-Malaysia Centre Terengganu bertempat di kampus induk PKT.

Penganjuran kali ini merupakan penganjuran kali ketiga berturut-turut oleh PKT. Program ini adalah sebagai satu usaha untuk memberi pendedahan dan maklumat berkaitan kerjaya dalam bidang pekerjaan kepada mahasiswa-mahasiswi PKT dan PHT khususnya serta Politeknik dan Kolej Komuniti zon timur amnya.



## CAREER DAY 3.0 PROGRAMME

**JULY 21ST, 2019 (SUNDAY)** - Kuala Terengganu Polytechnic (PKT), as the organiser, wishes to express deepest appreciation to Dr. Shamsuri bin Abdullah, Director of the TVET Coordination Unit, Polytechnic and Community College Education Department (JPPKK) for being present to PKT and officially opened the Career Day 3.0, 2019.

Dr. Shamsuri said that this program would be a medium for students to grab job opportunities around them. This would also, according to him, open the chances to share and expose information on job prospects for graduates.

In this programme, an exhibition on career was held alongside an open interview from various companies and agencies. A talk by Jobs Malaysia and Resume Clinic was also given for students. On this day also witnessed the official signing ceremony of the Collaboration Certificate (CoC) and the Memorandum of Understanding (MoU) between PKT and Hulu Terengganu Polytechnic (PHT) and the industries.

It is hoped that this programme would expose wider sharing of job opportunities amongst graduates. Next, it is also hoped that Career Day 3.0 would strengthen the existing collaboration with the industries.



## MAJLIS MENANDATANGANI LETTER OF INTENT ANTARA AKADEMI BINAAN MALAYSIA WILAYAH TIMUR DAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

**23 JULAI 2019 (SELASA)** - Telah berlangsung Majlis Menandatangani Letter of Intent antara Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur dan Politeknik Kuala Terengganu sempena Majlis Graduasi 2019 bertempat di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur.

Semoga kerjasama antara kedua pihak ini akan memberi lebih banyak kebaikan dan manfaat buat warga Politeknik Kuala Terengganu khususnya.

## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF HORIZON BAHARU (KIKHB) 2019

**06 OGOS 2019 (SELASA)**  
@ Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

### PENCAPAIAN:

#### Kumpulan We-Trans

(Tajuk Projek : My Balas Beg)

- Tempat Kelima (Kategori Sosial)
- Pingat Emas

#### Kumpulan Innovolt

(Tajuk Projek : Semicon Game Board)

- Pingat Emas
- Kategori Pameran (Tempat Kelima)





## KUNJUNGAN HORMAT DIRECTOR DAN SENIOR EXECUTIVE OUM TERENGGANU LEARNING CENTRE, EN. HANAFAI BIN MAMAT DAN EN. HASSAN BIN SALLEH KEPADA PENGARAH PKT

18 OGOS 2019 (AHAD)  
@ Bilik Persidangan PKT



Semoga kunjungan hormat ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Open University Malaysia Terengganu dan Politeknik Kuala Terengganu dalam pelbagai bidang.



## SESI TAKLIMAT DAN DEMONSTRASI MEMADAM KEBAKARAN OLEH JABATAN BOMBA KUALA TERENGGANU

19 OGOS 2019 (ISNIN)  
@ Perpustakaan PKT & Perkarangan PKT

# PROGRAM STREET RAHMAH & BUAL BICARA : PERANAN ORANG MUDA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

**22 OGOS 2019 (KHAMIS)** - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Terengganu dengan kerjasama Politeknik Kuala Terengganu telah menganjurkan Program Street Rahmah & Bual Bicara : Peranan Orang Muda Dalam Pembangunan Negara pada 22/8/2019 bertempat di Dewan Utama Tingkat 4, Yayasan Islam Terengganu jam 8.00 pagi.

Program ini menampilkan dua orang ahli panel iaitu Yang Berbahagia Dato' Dr. Samsu Adabi bin Haji Mamat, Pegawai Khas Perdana Menteri Malaysia dan Al- Fadhil Ustaz Abdul Halim bin Awang @ Sulong, Pensyarah Kanan UNISZA.

Program dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Mahadi bin Awang, Pengarah YADIM Terengganu.

Turut hadir Yang Berusaha Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT.

Semoga program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar yang terlibat.



# PELANCARAN KONVOI AMAL MERDEKA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KALI KE-62 PERINGKAT POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

**24 OGOS 2019 (SABTU)** - Pelancaran Konvoi Amal Merdeka sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Kali Ke-62 peringkat Politeknik Kuala Terengganu telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT.

Semoga nilai patriotisme dalam kalangan warga PKT dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin sekaligus dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia.

Adalah sangat wajar bagi generasi muda khususnya menjadikan nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat Malaysia.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini.



# ICT VILLAGE & EAST COAST OPEN EAST ZONE 2019

**SEPTEMBER 5TH, 2019 (THURSDAY)** – ICT Village & East Coast Open East Zone was successfully held from 3rd to 5th of September 2019 at Terengganu Digital 1303 here, in Kuala Terengganu.

We would like to express our deepest appreciation to Tuan Haji Mohd Nor Mazlan Bin Ismail, Deputy Director, Students Intake and Development (Entrepreneur & Alumni Unit) Polytechnic and College Community Department who represented Dr. Mohd Rashahidi @ Rusdi Bin Mohamood, Senior Director (Competency), JPPKK who officially closed this programme.

There were many interesting activities held in this three day programme. Some of them were E-Sport Tournament, a simulation of digital game in new era by KITAMEN, Career Talk, Tech Talk, Money Talk and Awareness Talk. Also present were booths from various agencies and industries with the new concept of technology like Internet of Things, 3D Printing & Fashion Design, Applied Robotic, Augmented Reality, Virtual Reality, Urban Agriculture and Bio Technology.

This programme is expected to give a lot of benefits for polytechnic and college community future graduates, to equip themselves with new technology in careers that they will be involved in.



# MISI SUKARELAWAN SISWA YSS-MoES KE VIENTIANE, LAO PDR 2019

**05 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)**

– Tahniat diucapkan kepada salah seorang pelajar PKT iaitu Nuraina Syaifiqah Binti Abdul Rahim kerana telah terpilih untuk menyertai Misi Sukarelawan Siswa YSS-MoES ke Laos bermula pada 9 September 2019 hingga 26 September 2019.



# KUNJUNGAN TIDAK RASMI DARIPADA BEBERAPA UNIVERSITI DARI INDONESIA KE PKT

**25 SEPTEMBER 2019 (RABU)** – Kunjungan Tidak Rasmi daripada beberapa Universiti dari Indonesia ke PKT bersempena Program International Innovation and Invention Challenge via Exhibition (INTELLIGENT '19) yang berlangsung di PSMZA.

Antaranya dari:

Universitas Vijaya Kesuma, Jawa Timur  
Universitas Padang  
Universitas Narotama  
Universitas Negeri Surabaya







## STUDENTS EXCELLENCE AND APPRECIATION FOR STUDENTS REPRESENTATIVE COUNCIL (MPP) CEREMONY KUALA TERENGGANU POLYTECHNIC (PKT) 2019



**OCTOBER 6TH, 2019 (SUNDAY)** – Hotel Sri Malaysia Kuala Terengganu, was held the ceremony of Students Excellence and the Appreciation of Students Representative Council (MPP) of Kuala Terengganu Polytechnic (PKT) for the year 2019.

This yearly programme was held to:

- reward excellence PKT students who have shown best results in academic by getting 3.5 and above in their CGPA's.
- appreciate PKT students who have served as representatives in the Students Council (MPP). These students have helped a lot in assisting the management of PKT to cater the need of students as a whole. They have also assisted to make various programmes held throughout the year successful and meaningful.



Congratulation to all who received the awards. It is hoped that the appreciation received will be a driving force for better performances in the future. This will then set a path towards excellence culture to all other students of PKT.

*This ceremony became more meaningful and historical with the launching of the Strategic Plan MPP PKT for the first time since its twenty years of operation.*

*The book Strategic Plan MPP PKT was launched by Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, the Director of PKT.*



Encik Sapri panggilan mesra  
Pensyarah veteran yang banyak berjasa  
Mendidik anak bangsa bukan sebentar cuma  
Tiga dekad begitulah lama

Dari muda hingga berusia  
Menjalankan tugas dengan setia  
Menabur bakti mencurah jasa  
Tak terbalas dek pelajar semua

Sudah biasa kita dengari  
Patah tumbuh hilang berganti  
Namun tak sama Pensyarah yang ini  
Tak mungkin ada galang ganti

Ampun dan maaf kami pinta  
Andai pernah mengusik rasa  
Jenguklah kami sekali sekala  
Andai rindu datang menjelma

Semoga Encik Sapri sihat sejahtera  
Menyusuri hari-hari yang ceria  
Di samping beribadat pada yang Esa  
Moga dilindungi Allah sentiasa.

Kami Warga JMSK Mengucapkan Selamat  
Bersara, Jasamu Tetap Dikenang.



## **MAJLIS PERSARAAN PENSYARAH TN. HJ. MOHD SAPRI AFFANDI BIN MOKHTAR PERINGKAT JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER**

# Kumpulan Soho Tech raih Tempat Kedua menerusi projek inovasi bertajuk Visiting Terengganu using Augmented Reality di Karnival Inovasi ICT Negeri Terengganu

Buletin LEKOR 2019 - Politeknik Kuala Terengganu



## PKT BOXING DAY 3.0

**15 OKTOBER 2019 (SELASA)** – Telah diadakan pelbagai jenis jualan antaranya pakaian baharu dan terpakai, makanan, minuman, snek dan dessert sempena Boxing Day 3.0 peringkat Politeknik Kuala Terengganu anjuran Unit Keusahawanan Politeknik Kuala Terengganu bertempat di perkarangan CONCEPT (Pusat Perkembangan Keusahawanan PKT). Objektif utama penganjuran Boxing Day 3.0 ini adalah bertujuan untuk menerap dan mempraktikkan nilai-nilai kompetensi keusahawanan dalam kalangan para pelajar PKT bagi meningkatkan ketahanan diri pelajar dalam menghadapi cabaran dan halangan perniagaan. Selain itu, program ini juga merupakan salah satu platform terbaik bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam mendepani kehidupan sebenar kerjaya apabila tamat pengajian kelak.



## Kayak Perpaduan Sungai Terengganu Anjuran UMT

17-19 OKTOBER 2019 (KHAMIS – SABTU)



## Johan Futsal Kategori Terbuka Pelajar Terengganu anjuran ASC Gong Badak

18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)



## PENYERTAAN KELAB TEATER PKT DI FESTIVAL TEATER TERENGGANU 2019

20 OKTOBER 2019 (AHAD) - Tahniah dan Syabas diucapkan kepada barisan Kelab Teater Politeknik Kuala Terengganu atas kejayaan merangkul Anugerah Poster Terbaik dan Skrip Terbaik sempena Festival Teater Terengganu 2019 melalui pementasan teater Bisikan Miswath.



# Promosi Kemasukan ke PKT dan Pameran Unit Pengurusan Psikologi PKT sempena Hari Psikologi peringkat Negeri Terengganu

21 OKTOBER 2019 (ISNIN)  
@ Wisma Darul Iman



## KEMPEN PENGUMPULAN E-WASTE

26 OKTOBER 2019 (SABTU) – Kempen pengumpulan e-waste yang telah dilaksanakan oleh rakan strategik JAS Terengganu, Arkema Thiochemicals Sdn. Bhd. dengan kerjasama Politeknik Kuala Terengganu telah berlangsung dengan jayanya di Pasaraya Giant dan Pasaraya Mydin Kuala Terengganu.

Kempen dijalankan sempena Hari Alam Sekitar Negara 2019 Peringkat Negeri Terengganu.



## PROMOSI KEMPEN PENGUMPULAN PERKAKASAN ICT DAN PERKAKASAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK DI RADIO TERENGGANU FM

22 OKTOBER 2019 (SELASA) – Sahabat E-Waste Politeknik Kuala Terengganu mempromosikan kempen pengumpulan perkakasan ICT dan perkakasan Elektrik & Elektronik untuk dilupuskan dengan cara yang selamat bersama-sama dengan Jabatan Alam Sekitar Terengganu dan Arkema Thiochemicals Sdn. Bhd. sempena Sambutan Hari Alam Sekitar peringkat Negeri Terengganu yang akan berlangsung pada 02 November 2019 (Sabtu) bertempat di Wisma Darul Iman.



*Terima kasih diucapkan kepada Terengganu FM kerana sudi menerima kehadiran dan bekerjasama dalam menghebahkan kempen tersebut kepada orang ramai.*



# MAJLIS PERASMIAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2019 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

**02 NOVEMBER 2019 (SABTU)** – Team Sahabat E-waste PKT dan Team Inovasi My Balas Bag telah menyertai pameran sempena Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara 2019 peringkat Negeri Terengganu bertempat di Wisma Darul Iman hari ini.



## MPP GET TALENT WITH ALUMNI

**07 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)** – Program ini diadakan bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai keyakinan dalam mengacaranya majlis serta memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara berkomunikasi dengan betul. Terima kasih diucapkan kepada DJ Manaf dari Manis FM yang juga merupakan bekas pelajar Politeknik Kuala Terengganu kerana sudi berkongsi ilmu dan pengalaman dalam bidang pengacaraan dan komunikasi kepada para pelajar PKT yang terlibat pada hari ini. Semoga segala ilmu yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar PKT.

**Masa:** 8.00 pg - 3.00 ptg  
**Tempat:** Hotel Permai Kuala Terengganu  
**Penglibatan:** 40 org pelajar



## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PKT KEPADA PEGAWAI DAERAH MARANG

**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

– Pada hari ini telah diadakan Kunjungan Hormat Pengarah PKT, Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa kepada Tuan Haji Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak, Pegawai Daerah Marang bagi membina jaringan kolaborasi dan kerjasama yang lebih erat antara PKT dan Pejabat Daerah dan Tanah Marang.

Turut hadir Timbalan Pengarah Akademik, En. Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Puan Suzana binti Mohd Ali, Pegawai Eksekutif Kanan, En. Mohd Hanapi Malek, Pegawai Perhubungan Awam, Puan Nooraini Che Aziz dan jurukamera, En. Albaihaki Awang.

Semoga kunjungan hormat ini menjadi titik permulaan untuk jalinan kerjasama pada masa-masa akan datang dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kedua-dua pihak.





# INTERNATIONAL LEADERSHIP CHALLENGE 2019

**07-12 NOVEMBER 2019** – Pada 07 hingga 12 November 2019, Muhamad Akif Danial bin Mohamad Rizal telah menyertai International Leadership Challenge 2019 bertempat di Auckland, New Zealand.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pemimpin pelajar tentang suasana pembelajaran di New Zealand melalui perkongsian idea dan pendapat bersama-sama dengan para pelajar di Universiti New Zealand berkenaan Revolusi Perindustrian 4.0 yang sedang berkembang di negara itu.

Impak daripada program ini, pelajar memperoleh pengalaman baharu di negara yang berlainan budaya dan latar belakang. Selain itu, pendedahan tentang Revolusi Perindustrian 4.0 yang berlaku di negara maju membantu meningkatkan lagi daya saing sekaligus budaya inovasi dalam pelbagai bidang dapat dipraktikkan.

## UCAPAN ALUAN PENGARAH PKT SEMPENA BENGKEL KEBOLEHPASARAN PELAJAR ANJURAN UNIT LATIHAN INDUSTRI & UNIT CISEC DENGAN KERJASAMA JOBSMALAYSIA CENTRE TERENGGANU



**18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)** – Antara tujuan Bengkel Kebolehpasaran Pelajar ini diadakan adalah untuk:

- Memberi nilai tambah kepada bakal graduan PKT dalam memastikan kebolehpasaran dan kebolehdapatan pekerjaan.
- Mengasah dan meningkatkan kemahiran bakal graduan dengan keterampilan kerjaya yang diperlukan oleh industri IR 4.0 dan TVET agar lebih berkeyakinan dan profesional.
- Memberi pendedahan dan persiapan awal kepada bakal graduan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar.

Bengkel ini juga diharap dapat memberi banyak manfaat kepada pelajar khususnya bakal-bakal graduan mengenai peluang pekerjaan dan persiapan diri bagi membina kerjaya selepas tamat pengajian.

Diharap agar para pelajar semester akhir Politeknik Kuala Terengganu dapat mengambil peluang dan ruang yang diberikan ini untuk membuktikan bahawa graduan Politeknik sentiasa menjadi rebutan dalam dunia pekerjaan.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Encik Zamzuraimi bin Mohamad, Pengurus JobsMalaysia Centre Kuala Terengganu kerana sudi bekerjasama dengan PKT bagi menjayakan bengkel ini.

# SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH SETIU

**19 NOVEMBER 2019 (SELASA)** – Team Sahabat e-Waste PKT dan Team Inovasi My Balas Beg di bawah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi PKT telah menyertai Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan peringkat Daerah Setiu anjuran WWF Malaysia dengan kerjasama Majlis Daerah Setiu bertempat di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Setiu . Syabas dan tahniah diucapkan atas penglibatan ini.



## KURSUS PENDEK KELAS MEROTI ANJURAN UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN PKT

**19 NOVEMBER 2019 (SELASA)**



# PROMOSIKAN KEMASUKAN KE POLITEKNIK KUALA TERENGGANU BAGI SESI DISEMBER 2019

**21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)** – Program Promosi ke Sekolah-Sekolah masih lagi berjalan bagi mempromosikan kemasukan ke Politeknik Kuala Terengganu bagi sesi Disember 2019. Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah:

- **SMK IBRAHIM FIKRI**
- **SMK BUKIT TUNGGAL**
- **SMK SERI NILAM**
- **SMK PADANG MIDIN**
- **SMK SERI PAYONG**

Terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan sekolah kerana sudi menerima kehadiran Team Promosi PKT. Layanan dan kerjasama yang diberikan amat dihargai.



## LAWATAN PENANDA ARAS KE PUSAT SUMBER PKT DARI KOLEJ VOKASIONAL SUNGAI PETANI, KEDAH

**21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**



# MAJLIS PERASMIAN STEM UNTUK SEMUA : UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) DI ANGKASA

**19 - 21 NOVEMBER 2019 (SELASA-KHAMIS)** – Jabatan Matematik Sains & Komputer Politeknik Kuala Terengganu telah dijemput oleh penganjur untuk bersama-sama meraikan seterusnya diberi peluang untuk berkolaborasi di Majlis Perasmian STEM Untuk Semua : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Di Angkasa.

Program ini bertujuan menjelaskan kepada orang awam khasnya pelajar mengenai kepentingan STEM selain Artifak dan bahan-bahan STEM yang digunakan di angkasa.

Angkasawan Negara, Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor turut hadir sepanjang program dan meraikan Ulang Tahun ke 12 Angkasawan Negara.



## Apa Itu STEM?

*STEM bermaksud gabungan (integration) mata pelajaran bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi untuk mengajar kemahiran abad ke-21. Ini bagi menyediakan pelajar untuk pekerjaan masa hadapan dan membolehkan mereka bersaing dengan pelajar lain di seluruh dunia.*

□ *Kurikulum STEM menggabungkan keempat-empat disiplin tersebut dan menggalakkan pengalaman hands-on serta memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan dalam bilik darjah pengetahuan "dunia sebenar" yang relevan.*

# KARNIVAL SQUASY IPT ANJURAN UNIVERSITI MALAYA

**01 DISEMBER 2019**

**(AHAD)** – Tahniah dan syabas diucapkan kepada wakil pelajar PKT yang telah menyertai Karnival Squasy IPT anjuran Univesiti Malaya dan telah berjaya meraih Tempat Kedua (div 3) dan Tempat Kelima (div 2).



## PROGRAM SISWAPRENEUR SHOWCASE 2019 (ZON TIMUR) BERTEMPAT DI PB SQUARE, KUALA TERENGGANU

**02 DISEMBER 2019 (ISNIN)** – PKT telah merangkul Johan Jualan Tertinggi Siswapreneur Showcase 2019 (Zon Timur). Tahniah dan Syabas diucapkan kepada Team Keusahawanan PKT.




# MINGGU SUAI KENAL PELAJAR BAHARU SESI DISEMBER 2019

**03 DISEMBER 2019 (SELASA)** – Taklimat Pengenalan kepada Politeknik Kuala Terengganu telah disampaikan oleh Puan Nooraini Che Aziz, Pegawai Perhubungan Awam PKT kepada pelajar-pelajar baharu Sesi Disember 2019.

Taklimat ini disampaikan bertujuan untuk memperkenalkan Politeknik Kuala Terengganu dengan lebih mendalam dan terperinci kepada para pelajar baharu yang telah mendaftar kelmarin. Bak kata pepatah Melayu "tak kenal maka tak cinta".

Antara pengisian yang telah di kongsi adalah seperti Latar Belakang Politeknik Kuala Terengganu, Struktur Organisasi, Pencapaian dan Kejayaan Pelajar dan Pensyarah, dan aktiviti-aktiviti di PKT yang telah diadakan setiap tahun.



# MESYUARAT POTENSI KERJASAMA WWF MALAYSIA DAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

**09 DISEMBER 2019 (ISNIN)** – WWF-Malaysia diketuai oleh Datin Daria Mathew Abdullah, Ketua Konservasi Air Tawar, WWF-Malaysia bersama-sama dengan 6 pegawai yang lain telah hadir ke Politeknik Kuala Terengganu bagi membincangkan potensi dan peluang kerjasama antara WWF-Malaysia dan Politeknik Kuala Terengganu dalam bidang penyelidikan dan inovasi khususnya.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT. Turut hadir En. Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah Akademik dan Puan Suzana Binti Mohd Ali, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik.

Semoga jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak dapat direalisasikan dan berterusan pada masa akan datang.





## MAJLIS PENGHARGAAN PEGAWAI BERSARA DAN BERTUKAR

**29 DISEMBER 2019 (AHAD)** – Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya pada hari ini warga PKT dapat berkumpul di Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu bagi meraikan salah seorang pensyarah PKT yang akan bersara pilihan iaitu Encik Mohd Sapri Affandi bin Mokhtar. Majlis pada hari ini juga memberi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Muhammad Hanapi bin Malek, Penolong Pegawai Tadbir N32 yang akan bertukar ke Pejabat Pendidikan Daerah Setiu atas kenaikan pangkat ke Gred N36 yang telah diterima oleh beliau baru-baru ini serta Puan Safiahanis bt Amiruddin, Pereka B19 yang akan bertukar ke Jabatan Penerangan Negeri Terengganu. Majlis turut diserikan dengan kehadiran mantan Pengarah PKT, Puan Hajjah Radiah binti Che Su yang turut hadir memeriahkan suasana





e-ISSN 2289-4136



# LEKOR

BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

diterbitkan oleh:  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU  
JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU  
TEL: 09-6204 100 | FAKS: 09-6204 102  
FB: [www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi](https://www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi)  
WEB: [www.pkt.edu.my](http://www.pkt.edu.my)